

18/03/1999

Gerakan minta kerajaan tangkis tuduhan palsu

KUALA LUMPUR, Rabu - Parti Gerakan meminta kerajaan menangkis segala tuduhan palsu yang dilemparkan pihak tertentu serta memperbetulkan setiap salah faham yang mungkin wujud akibat dakyah berkenaan.

Sehubungan itu, Gerakan mencadangkan supaya ditubuhkan satu badan khusus yang dianggotai tenaga kerja mahir bagi menjawab segala fitnah dengan segera dan berkesan.

Ahli Jawatankuasa Pusat Gerakan, Dr S Vijayarajam, berkata langkah itu perlu kerana segala maklumat yang terkandung dalam Internet tidak wajar ditapis.

"Ini adalah langkah penting bagi memastikan kejayaan Koridor Raya Multimedia (MSC)," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Kenyataan itu bagi menyokong arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada Kabinet supaya membatalkan sebarang usaha membentuk penapisan Internet.

Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, yang mengumumkan perkara itu semalam berkata arahan itu sebagai mengesahkan janji kerajaan dalam Rang Undang-Undang Jaminan.

Menurut Dr Othman, arahan itu juga sebagai reaksi kerajaan terhadap cadangan pihak berkuasa tempatan tertentu untuk melaksanakan bentuk sekatan terhadap kafe siber dan penggunaan Internet.

Katanya, berdasarkan maklum balas industri teknologi maklumat, cadangan pihak berkuasa tempatan yang di antara lain mahu pengguna itu sedikit sebanyak dianggap sebagai satu bentuk penapisan.

Sementara itu, Majlis Belia Malaysia (MBM) yang turut mengalu-alukan arahan itu menggesa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mempercepatkan pengeluaran garis panduan mengenai operasi kafe siber.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Bandarnya, Norizan Sharif, dalam satu kenyataan berkata MBM berpendapat kafe siber perlu dilihat sebagai pusat pendidikan, bukannya pusat hiburan.

Katanya, sebelum ini MBM sudah mengingatkan pihak berkuasa tempatan supaya tidak melatah terhadap perkembangan Internet dan kafe siber.

"Dalam isu kafe siber, MBM berpendapat kawalan harus dibuat terhadap premis, bukannya kandungan Internet," katanya merujuk cadangan 20 perkara yang dikemukakan kepada kementerian itu.

(END)